

11/05/2000

Kedudukan Zaharah tidak terjejas

KUALA LUMPUR, Rabu - Kedudukan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman sebagai Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak terjejas meskipun tewas dalam usahanya mengekalkan jawatan ketua pergerakan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tidak ada kena mengena. Kabinet adalah Kabinet....yang ini (kekalahan Siti Zaharah) adalah MT (Majlis Tertinggi). Tak kena mengena," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini malam ini.

Presiden Umno itu ditanya sama ada kedudukan Zaharah sebagai menteri Kabinet terjejas berikutan kekalahannya di tangan Datuk Seri Rafidah Aziz dalam pemilihan di Perhimpunan Agung Wanita Umno hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri mengekalkan Rafidah sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri meskipun gagal mempertahankan jawatan Ketua Wanita di tangan Zaharah pada pemilihan 1996.

Ditanya pandangannya mengena kombinasi Rafidah dan Datuk Shahrizat Abdul Jalil yang menang bagi jawatan naib Ketua Wanita, Dr Mahathir berkata beliau menjangka semua pemimpin Umno untuk bekerja kuat demi kepentingan parti.

Mengenai majoriti kecil diperolehi Rafidah sama ada ia boleh menggugat perpaduan dalam pergerakan itu, beliau berkata terpulanglah kepada kebijaksanaan pemimpin untuk merapatkan semula perpaduan.

"Selepas pemilihan, adalah menjadi tanggungjawab semua untuk merapatkan barisan dan memberi sokongan kepada pihak yang menang. Sesiapa yang menang perlu merapatkan barisan, manakala yang kalah hendaklah sokong yang menang, barulah kita dapat bercakap mengenai demokrasi," katanya.

Katanya, Rafidah menghadiri mesyuarat MT malam ini selaku Ketua Wanita.

Beliau berkata, MT mengucapkan tahniah kepada Rafidah dan Shahrizat serta Datuk Hishammuddin Tun Hussein yang menang tanpa bertanding bagi jawatan Ketua Pemuda.

(END)